

TARIKH	17/MAY/2012	EDISI	Nasional
MUKA SURAT	V4	RUANGAN	SUPPLEMENT



Bimbingan kerjaya Karnival TaHa@U di UUM

MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, (tengah) menyampaikan sijil kepada Pengarah Pendidikan Berita Harian, Mohd Yusof Abu Bakar (kiri) sambil diperhatikan Noorazmina Ikanan semasa melawat gerai pameran di Karnival Kerjaya.

IsMAIL Sabri (kanan) meninjau gerai pameran Co-op 1 Malaysia kepada Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamad Mustafa (tengah) (dikek dari kanan).



Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

LULUSAN akademik bukan lagi jaminan bagi seseorang pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta yang mahu menempatkan diri dalam pasaran kerja selepas bergelar graduan.

Kepesatan pembangunan pendidikan negara menghasilkan ramai lepasan peringkat diploma dan

ijazah yang cemerlang, sekali gus menuntut pelajar supaya bersedia dan mempersiapkan diri dengan nilai tambah sebelum bergelar graduan.

Mengambil tanggungjawab itu, Tabung Haji dengan kerjasama Berita Harian memperkenalkan Karnival TaHa@U dengan sasaran untuk

melatih seramai mungkin pelajar di IPT seluruh Malaysia, selain memberi pendedahan mengenai alam sebenar pekerjaan sebelum mereka menamatkan pengajian.

Pengurus Kanan (Khidmat Pelanggan) Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi Tabung Haji, Noorazmina Ismail, berkata pengangguran

TARIKH	17/MAY/2012	EDISI	Nasional
MUKA SURAT	VA	RUANGAN	SUPPLEMENT

dikaitkan dengan kekurangan peluang pekerjaan tanpa menyedari ia kebanyakannya berpunca daripada kekurangan dalam melakukan persiapan menghadapi temu duga sehingga menyebabkan ramai graduan gagal memperoleh pekerjaan.

"Anggapan bahawa memiliki lulusan akademik yang cemerlang sudah memadai adalah silap kerana mahasiswa perlu mempersiapkan diri untuk memasuki alam pekerjaan sebelum mereka bergelar graduan lagi.

"Oleh itu, Karnival TaHa@U ini diharap memberi galakan kepada mahasiswa mempersiapkan diri dengan alam pekerjaan sebenar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Karnival TaHa@U siri pertama tahun ini yang diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah baru-baru ini.

Karnival berkenaan bukan saja menyediakan aktiviti membabitkan kerjaya, bahkan turut menawarkan pelbagai aktiviti lain sebagai faedah menyertai Kelab TaHa@U Berita Harian.

Antara tarikan bagi bakal graduan ialah kehadiran personaliti terkemuka TV3, Ally Iskandar yang berkongsi pengalaman beliau dalam dunia penyiaran bagi membantu mahasiswa yakin dalam menggapai cita-cita

apabila bergraduasi.

Sehingga kini, katanya, Kelab TaHa@U yang sudah menarik minat 200,000 pelajar untuk menyertainya, memberi faedah dan kelebihan kepada ahli untuk menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan selain program persiapan pekerjaan sebelum bergelar graduan.

"Aktiviti temu duga olok-olok yang diadakan dalam Seminar

Bimbingan dan Kerjaya di Karnival TaHa@U itu memberi pengalaman baru kepada mahasiswa IPTA dan IPTS yang mengikutinya. Misalnya, temu duga diadakan dalam keadaan sebenar bagi memastikan mahasiswa mendapat pengalaman berharga serta berkesan.

"Program ini juga bukan saja meningkatkan keyakinan diri pelajar, tetapi juga dapat menambah ilmu berkaitan cara berkomunikasi, etika berpakaian dan penulisan resume yang menjadi elemen penting dalam menentukan kejayaan mendapat pekerjaan," katanya.

Antara lain kelebihan menyertai Kelab TaHa@U ini ialah ahlinya akan

kemasyarakatan yang turut disadur dengan program berbentuk rekreatif dan kesihatan.

Noorazmima berkata, pihaknya menyasarkan untuk mengadakan program khidmat kemasyarakatan di setiap negeri yang mempunyai ahli Kelab TaHa@U kerana ia antara faktor penting bagi mempersiapkan mahasiswa untuk menempuh alam pekerjaan.

"Program dianjurkan menggalakan komunikasi dan hubungan siha antara masyarakat dengan pelajar, sekaligus membentuk kredibiliti diri yang tinggi dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Beliau berkata, bagi memperluaskan lagi program berkenaan pihaknya merancang untuk mengadakan sekurang-kurangnya lima lagi Karnival TaHa@U di IPTA/IPTS seluruh Malaysia tahun ini.

"Kita merancang untuk mengadakan lima lagi karnival seperti ini, namun setakat ini hanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang sudah memuktamadkan penyertaan mereka.

"Berbanding pada peringkat awal program ini diperkenalkan, kini pergerakan program lebih mudah kerana kebanyakan IPT sudah mengenali program ini dan kebanyakannya mereka sendiri kini datang bertemu kami untuk mengadakan program berkenaan," katanya.



SEBAHAGIAN penuntut UUM melawat gerai pameran NSTP News Image Bank, History on Demand.